

D267

B B716 AAB
BELANJAWAN - MAHATHIR R R R

KUALA LUMPUR, 23 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYIFATKAN BELANJAWAN NEGARA TAHUN DEPAN SEBAGAI SERDERHANA DAN BERPATUTAN YANG MENGAMBILKIRA MASALAH KEWANGAN NEGARA YANG GENTING.

PERDANA MENTERI BERKATA BELANJAWAN ITU JUGA MENGAMBILKIRA KEPERLUAN-KEPERLUAN BAGI MENINGKATKAN PRODUKTIVITI NEGARA SERTA PELABURAN.

KEPERLUAN UNTUK MEMPERKEMBANGKAN PELUANG PEKERJAAN JUGA DIAMBIL KIRA, KATANYA KEPADA PEMBERITA DI BANGUNAN PARLIMEN KETIKA DIMINTA MENGULAS BELANJAWAN ITU SELEPAS DIBENTANGKAN OLEH MENTERI KEWANGAN ENCIK DAIM ZAINUDDIN.

MENGENAI KEMUNGKINAN KERAJAAN MENGURANGKAN PARAS GAJI PERMULAAN BAGI KAKITANGAN YANG BARU DIAMBIL, BELIAU BERKATA: +SEKARANG INI PUN RAMAI ORANG YANG MENGANGGUR DAN MEREKA INI SANGGUP MENERIMA GAJI YANG SEPARUH LEBIH RENDAH.+

SEKIRANYA KERAJAAN TIDAK MENGURANGKAN PARAS GAJI PERMULAAN, IA TIDAK DAPAT MENWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN YANG LEBIH BANYAK, TAMBAH BELIAU. -- LAGI.

1901MST 23 10 87

D275

B B722 AAB
BELANJAWAN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R R R

OLEH KERANA PARAS GAJI DI MALAYSIA MERUPAKAN YANG KEDUA TERTINGGI DI ASIA TENGGARA SELEPAS SINGAPURA, ELOKLAH DIBUAT SEDIKIT PENYESUAIAN PADA TAHAP GAJI, JELAS DATUK SERI DR MAHATHIR.

DITANYA BERAPA RAMAI KAKITANGAN BARU YANG DAPAT DIAMBIL JIKA LANGKAH ITU DILAKUKAN, BELIAU BERKATA: +INI AKAN DIBUAT MENGIKUT KEPERLUAN KITA. KALAU DAHULU KITA MENGAMBIL DUA ORANG, SEKARANG MUNGKIN TIGA.+

BELIAU BAGAIMANAPUN BERKATA SETAKAT INI KERAJAAN BELUM MEMBUAT KEPUTUSAN BILA CADANGAN ITU AKAN DILAKSANAKAN KERANA IA MEMERLUKAN SATU KAJIAN TERLEBIH DAHULU DAN BELIAU TIDAK DAPAT MENYATAKAN BILA IA AKAN SIAP.

DITANYA SAMA ADA PENGURANGAN PARAS GAJI PERMULAAN ITU AKAN MELIBATKAN SEMUA KUMPULAN PERINGKAT, BELIAU BERKATA=

+YA, TETAPI TIDAKLAH BEGITU BAWAH SANGAT.+

DITANYA ADAKAH INI BERMAKANYA KAKITANGAN KUMPULAN PALING RENDAH DIKECUALIKAN, BELIAU BERKATA +SEMUA INI DALAM PROSES KAJIAN KITA DAN SAYA TIDAKLAH DAPAT MEMBERI JAWAPAN YANG TEPAT BUAT MASA INI.+ -- LAGI.

1917MST 23 10 87

0286

B 8731 AAB
(ULANGAN DENGAN PEMBETULAN) R R R R R R

BELANJAWAN - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI CADANGAN BAGI MENGENAKAN CUKAI JUALAN BAGI BAHAN-BAHAN MENTAH BINAAN, DATUK SERI DR MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA IA TIDAK MELIBATKAN BAHAN-BAHAN BIASA YANG PERLU TETAPI IA MELIBATKAN BAHAN-BAHAN MEWAH.

LANGKAH ITU TIDAK AKAN MELIBATKAN RUMAH KOS RENDAH, TAMBAH BELIAU.

+KALAU ANDA MAHU LANTAI PARQUET DAN BAHAN-BAHAN YANG MEWAH, KENALAH BAYAR LEBIH DAN ITUPUN LEBIH SEDIKIT SAHAJA,+ KATA BELIAU.

MENYENTUH MENGAPA KERAJAAN BERCADANG MENJUALKAN SAHAM KERAJAAN DALAM SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA (MAS) DAN MISC KEPADA BANK NEGARA, BELIAU MENJELASKAN +SEBABNYA IALAH UNTUK MENDAPATKAN WANG BAGI DIGUNAKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN KERAJAAN.+

+KITA TERPAKSA MENJUALKANNYA KEPADA PIHAK YANG MEMFUNGYAI DUIT DAN DALAM MASA YANG SAMA MENGEKALKAN KEDUA-DUA SYARIKAT ITU DALAM KERAJAAN DAN OLEH ITU KITA KENALAH JUAL PADA BANK NEGARA.+ -- LAGI.
1937MST 23 10 87

D287

B 8732 AAB
BELANJAWAN - MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR R R R

MENGENAI PENGURANGAN CUKAI SYARIKAT, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA CADANGAN ITU AKAN DILAKSANAKAN TAHUN DEPAN JUGA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA KETIKA DIMINTA MENGULAS BELANJAWAN ITU, BERKATA IA MENUNJUKKAN KERAJAAN MENYEDARI MASALAH PENGANGGURAN YANG DIHADAPI OLEH ORANG RAMAI DAN SEBAB ITULAH KERAJAAN MENKAJI KEMUNGKINAN MENGURANGKAN PARAS GAJI PERMULAAN KAKITANGAN BARU.

KATANYA, IA JUGA MERUPAKAN SATU STRATEGI KERAJAAN UNTUK MENGURANGKAN PERBELANJAANNYA DAN SUPAYA LEBIH RAMAI ORANG MENDAPAT PEKERJAAN.

MENGENAI CUKAI JUALAN KE ATAS BAHAN BINAAN TERTENTU, BELIAU BERKATA IA BERTUJUAN UNTUK MENGGALAKKAN PENGGUNAAN BAHAN-BAHAN DALAM NEGERI. -- BERNAMA.
1939MST 23 10 87